

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 11 April 2017 11:19
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Faudziah Bt Zainal Abidin; Nur Shazwani binti Shariffudin
Subject: BENGKEL PEMANTAPAN IPQ "LET'S WORK CLOSELY TOGETHER WITH EVERYONE AT UUM"



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

11 APRIL 2017/ 14 REJAB 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

BENGKEL PEMANTAPAN IPQ "LET'S WORK CLOSELY TOGETHER WITH EVERYONE AT UUM"



IPQ ONLINE : Pada 7 hingga 9 April 2017, Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah mengadakan Bengkel Pemantapan Minda dan Kualiti Kerja IPQ 2017 bertempat di HIG Hotel, Pulau Langkawi Kedah. Seramai 32 orang staf telah menjayakan bengkel ini. Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi ruang kepada semua staf IPQ memikirkan halatuju setiap projek bahagian, membentuk analisis SWOT dan memikirkan konsep atau kaedah baru dalam pelaksanaan projek kendalian masing-masing.

"Let's work closely together with everyone at UUM" kata semangat yang diberikan oleh Prof. Madya Dr. Faudziah Zainal Abidin kepada semua staf IPQ. IPQ turut berjaya membentuk visi, misi, objektif dan piagam pelanggan yang baru bagi tahun 2017 selaras dengan hala tuju dan objektif penubuhan IPQ di UUM.

Program bengkel ini turut diserikan dengan aktiviti CSR staf IPQ ke Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Marjan, di Bukit Malut yang diketuai oleh Pengarah IPQ sendiri. Antara pengisian aktiviti CSR ini ialah sesi perkongsian pengalaman oleh En. Roslan Mohamed, Pengasas Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Marjan dan tazkirah kepada pelajar tahfiz yang disampaikan oleh Prof. Dr. K. Kuperan K.V.S.N Viswanathan. “Tidak kira apa pangkat dan darjat kamu di dunia, hakikatnya di akhirat nanti, maha pencipta akan tanya kepada kamu, apa kebaikan yang kamu lakukan di dunia ini”, ujar Prof. Dr. K. Kuperan. Ketua pelajar maahad tersebut juga melahirkan ucapan terima kasih kepada IPQ atas kesudian melawat maahad mereka walaupun tidak sepopular maahad tahfiz yang lain. IPQ turut menyampaikan sumbangan wang tunai dan pakaian kepada mereka.

Sekian.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.